

NO SOALAN :26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN  
(KAMPAR)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 31.07.2017**

**Y.B. DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) bilangan dan peratusan tenaga kerja yang membayar cukai pendapatan individu untuk 10 tahun yang lalu; dan
- (b) pecahan pembayar cukai pendapatan individu mengikut pendapatan mereka dan jumlah cukai pendapatan individu yang dikutip selama 10 tahun yang lalu .

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

- 1) Bilangan dan peratusan tenaga kerja yang membayar cukai pendapatan individu untuk 10 tahun yang lalu adalah seperti berikut:

<b>Tahun taksiran</b>	<b>Pembayar cukai ('000)</b>	<b>Peratusan Pembayar Cukai (%)</b>
2007	2,126.9	20.2
2008	2,278.2	21.4
2009	2,345	21.5
2010	2,496.8	21
2011	2,666.2	21.6
2012	2,874.6	22.4
2013	2,483.3	18.3
2014	2,714.4	19.6
2015	2,684.6	19.1
2016	2,402.9	17

2) Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh 10 tahun yang lalu, jumlah bilangan pembayar cukai tertinggi adalah berada pada banjaran pendapatan bercukai antara RM20,001 dan RM100,000. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah menyusun semula sistem cukai dengan menurunkan kadar cukai pendapatan. Sebagai contoh pada tahun taksiran 2007, pembayar cukai mula membayar cukai pada banjaran pendapatan bercukai RM10,001. Manakala bagi tahun taksiran 2016, pembayar cukai mula membayar cukai pada banjaran pendapatan bercukai RM20,001. Ini disebabkan penurunan kadar cukai daripada 3 peratus pada

tahun taksiran 2007 kepada 1 peratus pada tahun taksiran 2016 dan kenaikan rebat daripada RM350 kepada RM400 mulai tahun taksiran 2009.

3) Selain itu, di dalam banjaran pendapatan bercukai RM20,001, Kerajaan juga telah mengurangkan kadar cukai pada 7 peratus pada tahun taksiran 2009, 6 peratus pada pada tahun taksiran 2013 dan terus diturunkan kepada 5 peratus pada tahun taksiran 2015.

4) Pada tahun taksiran 2009, banjaran pendapatan bercukai RM70,001-100,000 dikenakan kadar cukai pada 24 peratus, manakala pada tahun taksiran 2015, kadar cukai telah diturunkan pada 21 peratus. Ini menunjukkan Kerajaan sentiasa mengambil berat dan prihatin untuk meningkatkan beban kewangan serta meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat.

5) Bagi jumlah pendapatan individu yang dikutip 10 tahun lalu pula, kutipan adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Kutipan Cukai Pendapatan Individu (RM juta)</b>
2007	11,661
2008	14,966
2009	15,590
2010	17,805
2011	20,203
2012	22,977
2013	23,055
2014	24,423
2015	26,321

6) Untuk makluman Yang Berhormat, kutipan cukai pendapatan individu bagi tahun 2016 tidak dapat dinyatakan buat masa ini kerana masih belum dimuktamadkan.